

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG  
02 OGOS 2018  
RABU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	DERITA KULIT RAPUH, MUDAH PECAH	2



# SINAR HARIAN

## Derita kulit rapuh, mudah pecah

**Pergerakan Hazril terbatas, perlu cuci luka setiap hari elak jangkitan kulit**

AZLINA OTHMAN

JOHOR BAHRU

Seperti kanak-kanak lain, rutin harian Muhammad Hazril Mikhail Hizar, 7, menonton kartun di televisyen, bermain bola dan mengumpul kereta mainan.

Walaupun bagaimanapun, perbezaannya, kanak-kanak lelaki itu menghidap penyakit kulit iaitu Epidermolysis Bullosa (EB) iaitu sejenis penyakit jarang ditemui yang menyebabkan kulitnya

rapuh, mudah pecah dan terluka.

Akibat penyakit itu, pergerakan Muhammad Hazril Mikhail turut terhad kerana luka perlu dicuci (dressing) setiap hari untuk mengelakkan jangkitan kulit.

Ibunya, Noor Halimatun Hashim, 37, berkata, ketika anak bongsunya dilahirkan di Hospital Sultanah Aminah (HSA), terdapat luka kecil di kaki anaknya, bagaimanapun semakin lama semakin teruk.

Menurutnya, berikutan itu, anaknya terpaksa dimasukkan dalam inkubator di unit rawatan intensif (ICU) selepas doktor tidak dapat menentukan apa penyakit dihidapi Muhammad

**info**  
Sesapa yang ingin beri sumbangan boleh salurkan ke akaun Public Bank Noor Halimatun 4525811409.

Hazril Mikhail.

"Saya hati saya lihat tubuh kecilnya penuh dengan luka dan disuntik dengan jarum."

"Saya sendiri tak dapat terima hakikatnya pada ketika itu.

"Bagaimanapun, saya cuba tabah terima ketenteraan Allah selepas dimaklumkan hakikat sebenar masalah dialami anak saya," katanya.

Berikutan itu, Noor Halimatun terpaksa mengambil keputusan berhenti kerja sebagai kakitangan pentadbiran hotel pada awal tahun ini untuk memberi tumpuan sepenuhnya penjagaan kepada Muhammad Hazril Mikhail dan dua lagi cahaya matanya yang berumur 11 dan 12 tahun.

"Dugaan tersebut agak mencabar kepada saya dan terpaksa belajar bagaimana menjaga kulitnya yang amat sensitif serta membahagikan masanya untuk kerja dan keluarga.



Cai Tung (kiri) menyampaikan sumbangan kepada Noor Halimatun.



Keadaan penyakit kulit yang dialami Muhammad Hazril Mikhail.

"Malah, dalam tempoh empat tahun pertama, saya sering kemurungan kerana doktor beritahu setakat ini tiada rawatan untuk penyakit anak saya," katanya.

Noor Halimatun memberitahu, dia sekeluarga terpaksa menampung kos perubatan sekitar RM4,000 sebulan.

"Kami cuma bergantung kepada suami, Hizar Omar, 43, yang bekerja sebagai tukang masak selain bantuan wang bakti Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (Majlis) untuk bil perubatan," katanya.

Dalam pada itu, keluarga

ini menerima kunjungan Exco Pembangunan dan Pelancongan Wanita negeri yang juga Adun Johor Jaya, Liew Cai Tung yang menyampaikan sumbangan barangan seperti bantuan wang tunai serta bantuan peralatan mencuci luka dan kain kasa berubat, serta mainan

untuk Muhammad Hazril Mikhail di rumahnya di Bandar Seri Alam, di sini.

Cai Tung berharap selain pihaknya, ada lagi pihak lain bermurah hati menghulurkan bantuan bagi menampung kos rawatan kanak-kanak berkenaan.



SINAR  
2/8/18



Cai Tung (kiri) bermain dengan Muhammad Hazril Mikhail.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG  
03 OGOS 2018  
JUMAAT



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
UTUSAN MALAYSIA	57 TONG LPG DIRAMPAS	2
UTUSAN MALAYSIA	BARAN TIRUAN JENAMA MCM DIRAMPAS	3
HARIAN METRO	'KAKI SEDUT' LPG SUBSIDI	4
SINAR HARIAN	57 TONG LPG HARAM DIRAMPAS DAN KPDPNHEP SERBU PERMIS BEG MCM KLON	5





# UTUSAN MALAYSIA

## 57 tong LPG dirampas

UTUSAN  
3/8/18

**JOHOR BAHRU 2 Ogos** - Tindakan sebuah premis di Jalan Sena 1, Taman Rinting, Masai di sini menyimpan gas petroleum cecair (LPG) berlebihan daripada jumlah dibenarkan mengundang padah apabila diserbu Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehsan Pengguna (PPDNHEP) negeri.

Ketua Pegawai Penguat Kuasanya, Aris Mamat berkata, serbuan pada pukul 10.30 pagi itu dilakukan sepasukan 10 anggota penguat kuasa pejabat berkenaan selepas pihaknya melakukan risikan sejak lebih sebulan lalu.

Menurutnya, siasatan awal mendapati premis peruncit yang beroperasi secara sah sejak 2008 hanya mempunyai permit untuk menyimpan sehingga 1,000 kilogram LPG.

"Dalam serbuan ini, kita menyita lebih 57 tong berisi 789 kilogram (kg.) LPG bernilai RM5,491.

"Kita turut menemukan 500 tong gas kosong bersaiz 14 kg.



yang disyaki untuk diisi LPG," katanya dalam sidang akhbar selepas serbuan itu di sini, hari ini.

Aris berkata, ketika serbuan, sepasang suami isteri dipercayai pengendali operasi premis terabit bersama-sama tiga pekerja mereka turut diambil keterangan bagi membantu siasatan.

Dalam pada itu, beliau menasihatkan peruncit yang mahu menyimpan LPG melebihi had sedia ada agar mengemukakan permohonan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat terlebih dahulu.

Katanya, langkah tersebut bagi memastikan premis atau stor simpanan selamat untuk menyimpan LPG dalam kuantiti yang dikehendaki.

**ARIS MAMAT (tiga dari kanan) bersama pegawainya memeriksa tong gas LPG yang disimpan di sebuah premis di Taman Rinting, Pasir Gudang, Johor, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI**





# UTUSAN MALAYSIA



ANTARA barangan tiruan jenama MCM yang dirampas oleh anggota penguat kuasa PPDNHEP Johor dalam operasi di sekitar Johor Bahru, baru-baru ini. -UTUSAN/ AZIZI MAJID

## Barang tiruan jenama MCM dirampas

**JOHOR BAHRU 2 Ogos** - Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (PPDNHEP) negeri merampas 934 unit pelbagai jenis barangan jenama MCM disyaki tiruan bernilai RM17,285 dalam serbuan di enam premis di sini, kelmarin.

Ketua Pegawai Penguat Kuasanya, Aris Mamat berkata, serbuan selama 12 jam bermula pukul 11 pagi dilakukan bersama-sama pengadu jenama berkenaan selepas melakukan permantauan selama seminggu. "Kita telah menjalankan pemeriksaan ke atas enam premis di sekitar bandar raya ini dan mendapati mereka menjual barangan tiruan berjenama seperti beg tangan, tali pinggang dan rantai kunci.

"Dalam serbuan, kita berjaya merampas 934 unit pelbagai barangan tiruan jenama MCM bernilai kira-kira RM17,285," katanya selepas membuat serbuan di sebuah premis disyaki menyimpan gas petroleum ce-


cair (LPG) melebihi jumlah yang dibenarkan di sini, hari ini.

Aris berkata, barangan tiruan itu dipercayai dibawa masuk dari China dan dijual di negara ini dengan harga semurah RM20 hingga RM100 berbanding harga barangan jenama MCM asli yang lebih mahal.

Menurutnya, kesemua barangan tersebut disita di bawah Seksyen 8(2)(b) Akta Perihal Dagangan 2011 bagi tujuan siasatan lanjut.

Ujar beliau, pemilik premis boleh didenda sebanyak RM10,000 bagi setiap perihal barangan yang dipamerkan atau penjarra tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan bagi orang perseorangan bagi kesalahan kali pertama.

Bagi kesalahan kali kedua, denda boleh dikenakan sehingga RM20,000 bagi setiap perihal barangan yang dipamerkan atau penjarra tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.



# HARIAN METRO



HARIAN METRO  
3/8/18

## 'Kaki sedut' LPG subsidi

■ KPDNHEP rampas 57 tong gas petroleum cecair

TONG gas LPG yang disimpan melebihi jumlah dibenarkan di premis runcit di Jalan Sena 1, Taman Rinting, Pasir Gudang.

Nurul Amanina Suhaini  
news@nstp.com.my

**Pasir Gudang**

Pengkuat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor merampas tong gas petroleum cecair (LPG) ber-

nilai RM5,491 dalam serbuan di sebuah premis runcit di Jalan Sena 1, Taman Rinting dekat sini, semalam.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Johor Aris Mamat berkata, dalam serbuan jam 10.30 pagi, 10 anggota penguat kuasa merampas 57 tong seberat 798 kilogram (kg) bagi kegunaan domestik.

Menurutnya, hasil pemeriksaan, pihaknya menemui 500 tong kosong di premis terbabit.

"Semua 57 tong itu terdiri daripada tong LPG bersaiz 12kg dan 14kg dipercayai bagi kegunaan domestik manakala 500 lagi tong kosong dipercayai akan diisi sebelum diedarkan ke kawasan sekitar.

"Lesen penyimpanan yang dibenarkan oleh premis runcit ini hanya mambabitkan 1,000kg tong gas, namun ketika serbuan ada lebihan 57 tong LPG.

"Rampasan dilakukan atas kesalahan menyimpan barangan kawalan melebihi had lesen selain gagal mematuhi arahan diletakkan," katanya pada sidang media, di sini.

03-08-2018

johor

81



ARIS (kanan) bersama pegawai memeriksa tong gas LPG yang disimpan melebihi jumlah dibenarkan.

Aris berkata, hasil serbuan, sepasang suami isteri berusia 35 tahun dipercayai pengendali operasi premis terbabit bersama tiga kakitangan berusia 30-an diambil keterangan bagi membantu siasatan.

Katanya, kes disiasat mengikut Peraturan 10(I) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu peruncit memiliki barang kawalan melebihi had dibenarkan pengawal dalam lesen selain slasatan mengikut Peraturan 12A Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 kerana gagal mematuhi arahan pengawal.

"Bagi kesalahan dilakukan individu, denda dikenakan tidak kurang RM1 juta atau dipenjarakan bagi satu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

"Bagi kesalahan kali kedua dan seterusnya, denda dikenakan tidak melebihi RM3 juta atau dipenjarakan bagi satu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

"Bagi kesalahan membatalkan suatu pertubuhan atau syarikat, didenda tidak kurang daripada RM2 juta dan tidak lebih daripada RM5 juta bagi kesalahan kali kedua atau berikutnya," katanya.





# SINAR HARIAN

18

SENTRAL

JUMAAT 3 OGOS 2018 • SINAR HARIAN

SINAR HARIAN 3/8/18

HUBUNGI SKUAD JOHOR, MELAKA &amp; NEGERI SEMBILAN MOHD FIRDAUS YON • 019-7906786, JEFFRI RAZALI • 010-5625516, SARINAH MAT KASIM • 019-6202383 @



Antara barangan rampasan jenama MCM yang dilakukan KPDNHEP pada operasi Selasa lalu.

## KPDNHEP serbu premis beg MCM klon

PASIR GUDANG - Gara-gara menjual barangan tiruan berjenama, enam premis sekitar bandar raya ini diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), dalam operasi berasingan yang dilakukan, Selasa lalu.

Dalam operasi hampir 12 jam bermula 11 pagi itu, KPDNHEP berjaya merampas 934 unit pelbagai jenis barangan dengan jenama MCM bernilai kira-kira RM17,285.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Johor, Aris Mamat berkata, serbuan dilakukan hasil daripada pemantauan selama seminggu yang dilakukan pihaknya bersama pihak pengadu bagi jenama barangan terbabit.

"Pihak kita telah menjalankan pemeriksaan ke atas enam buah premis di sekitar bandar raya ini dan mendapati mereka

menjual barangan tiruan berjenama ini seperti beg tangan, tali pinggang dan rantai kunci.

"Dalam serbuan ini kita telah merampas 934 unit pelbagai barangan tiruan jenama MCM bernilai antara RM17,285," katanya pada sidang akhbar di sebuah premis di Jalan Sena 1, Taman Rinting, di sini, sebentar tadi.

Aris berkata, barangan tiruan itu dipercayai dibawa masuk dari negara China dan dijual di pasaran negara ini dengan harga murah antara RM20 hingga RM100 berbanding standard harga barangan asli jenama itu yang boleh mencecah ribuan ringgit.

Katanya, kesemua barangan tersebut disita di bawah Seksyen 8(2)(b) Akta Perihal Dagangan 2011 bagi tujuan siasatan lanjut.

## 57 tong LPG haram dirampas

PASIR GUDANG - Sebanyak 57 tong gas berisi 798kg gas petroleum cecair (LPG) bernilai RM5,491 yang dijual secara haram dirampas dalam serbuan di sebuah premis perniagaan di Jalan Sena 1, Taman Rinting di sini, semalam.

Ketua Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor, Aris Mamat berkata, pemeriksaan dilakukan 10 anggota penguatkuasanya bermula jam 10.30 petang adalah hasil risikan sejak sebulan lalu dan aduan serta maklumat orang ramai.

Menurutnya, kesemua 57 tong berkenaan adalah terdiri daripada tong gas LPG bersaiz 12kg dan 14kg dipercayai untuk kegunaan domestik selain turut memuat 500 lagi tong LPG kosong berada dalam premis terbabit.

"Mengikut pemeriksaan premis ini hanya boleh menyimpan sebanyak 1,000 kilogram gas LPG, namun ketika serbuan dilakukan kita dapati terdapat lebih sebanyak 57 tong LPG.

"Kita turut menemukan



Aris menunjukkan antara tong gas LPG yang ditemui dalam premis berkenaan.

sebanyak 500 lagi tong kosong yang dipercayai akan diisi dengan kes berkenaan sebelum diedarkan kepada pengguna," katanya ketika ditemui semasa serbuan di premis berkenaan.

Aris berkata, rampasan melibatkan kesalahan menyimpan barang kawalan melebihi had lesen ditetapkan dan gagal mematuhi arahan pengawal.

"Sekiranya penjual mahu menyimpan gas LPG

melebihi had, mereka perlu membuat permohonan dan kita akan dapatkan laporan Jabatan Bomba dan Penyelamat sama ada premis atau stor boleh menyimpan jumlah yang dikehendaki," katanya.

Pada masa sama, ketika serbuan dilakukan, suami isteri dipercayai pengendali premis itu bersama tiga pekerja mereka berusia 30an turut diambil keterangan untuk membantu siasatan.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

09 OGOS 2018

KHAMIS



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	HASRAT MILIKI RUMAH LEBUR	2
UTUSAN MALAYSIA	NOTIS PEMBERITAHUAN	3
BERITA HARIAN	SANGGUP KAYUH 10KM MAHU CUBA 'LITAR' MAUT	4





# SINAR HARIAN

SINAR HARIAN • KHAMIS 9 OGOS 2018

19  
**SENTRAL**

HUBUNGI SKUAD JOHOR, MELAKA & NEGERI SEMBILAN: MOHD FIRDAUS YOH - 018-7008796, JEFFRI RAZALI - 010-5625516, SARINAH MAT KASIM - 019-6222363

## Hasrat miliki rumah lebur

9/8/18

**Diperdaya syarikat broker hartanah, duit RM25,000 turut dilarikan**

SHAFIQ TINO

PASIR GUDANG

Hasrat sepagas suami isteri mahu memiliki kediaman sendiri buat pertama kali setelah berpuh tahun bekerja musnah diperdaya sindiket broker hartanah sejak tiga tahun lalu. Lebih malang, wang pendahuluan RM25,000 yang diperolehi hasil simpanan dan pinjaman daripada kenalan rapat turut dibawa lari dan sehingga kini masih belum dipulangkan. Menurut mangsa, Osman M Samat, 63, dia dan isteri mahu mendapatkan rumah berkenaan setelah melihat iklan rumah teres dua tingkat yang mahu dijual dalam aplikasi jual dalam talian.

Katanya, dalam iklan berkenaan, rumah terletak di Jalan Cempaka 4, Taman Plentong Baru, dijual RM105,000. "Kali pertama saya dan isteri, Norazam Shaharin, 40, bertemu broker berkenaan pada 21 Disember 2015. Ketika itu kami lihat rumah bersama lelaki daripada syarikat jual beli hartanah dikenali sebagai Alexandra Phang.

"Tetapi kami hanya lihat luar sahaja kerana diberitahu tidak boleh masuk kerana rumah ada penyewa. Bila tengok keadaan rumah, kami teruja dan terus berbincang dengan lelaki itu.

"Alexandra memberitahu kami supaya cepat beli dan kalau mahu perlu bayar deposit terlebih dahulu. Disebabkan ini rumah pertama kami, memang semangat itu lain dan terus bersetuju," katanya ketika ditemui pemberita di Pejabat Aduan Awam Adun Johor Jaya, semalam.

Osman yang bekerja sebagai buruh binaan berkata, daripada tarikh berkenaan sehingga Ogos 2016, dia telah pun membuat pembayaran RM25,000 daripada empat



Syed Othman (dua, kiri) dan Osman menunjukkan laporan polis dan siji S&P palsu diberikan syarikat berkenaan pada sidang media, semalam.

transaksi sebelum menyedari telah diperdaya lelaki dan syarikat terbabit. "Saya buat pembayaran beberapa kali, ada RM2,000, RM3,000 dan paling banyak RM15,000. Tetapi bila ditanya lelaki itu tentang proses pembelian, dia hanya jawab dalam fasa persetujuan dengan Pejabat Setiausaha Bahagian Perumahan (SUK). "Apa yang membuat saya yakin saya turut alih salinan siji perjanjian jual beli (S&P). Setelah perkara ini terbongkar,

baru saya mengetahui siji diberikan palsu dan tiada rekod pembelian pun dibuat," katanya. Katanya, penipuan itu terbongkar apabila dia datang sendiri ke rumah yang ingin dibeli dan berjumpa dengan penyewa untuk dapatkan nombor telefon pemilik asal. "Saya terkejut apabila dimaklumkan rumah ini dijual kepada orang lain. Saya terus cari lelaki yang menipu kami untuk dapatkan penjelasan.

"Bila dah jadi macam ini, baru dia jelaskan dan mahu pulangkan wang dalam tempoh terdekat. Lama-kelamaan dia menghilang dan sehingga kini wang kami tidak dipulangkan. Saya betul-betul terkilan dengan kejadian ini, duit itu susah sangat kami cari," katanya. Sementara itu, Pegawai Khas Menteri Besar Johor Bahagian Pengaduan Awam Negeri, Syed Othman Abdullah berkata, perkara itu akan dikembangkan ke


### PENIPUAN JUAL BELI RUMAH

- Lihat iklan jual rumah secara atas talian
- Harga rumah RM105,000
- Sehingga Ogos 2016, empat transaksi pembayaran diakukan di mana paling banyak RM15,000

beberapa saluran lagi termasuk mengikut kembali perkembangan kes tersebut dengan pihak polis.

"Saya dimaklumkan suami isteri ini telah membuat laporan polis pada November 2016 lalu. Jadi saya akan mengadakan pertemuan dengan pihak berkaitan untuk mendapatkan susulan berkenaan kes ini.

"Perkara ini juga akan diajukan kepada Biro Pengaduan Awam (BPA) untuk memastikan ia sentiasa berjalan dan tidak dijangka remeh. Ditipu syarikat seperti ini adalah sesuatu perkara yang keji, kita tidak mahu ia berlaku kepada orang lain," katanya.



# UTUSAN MALAYSIA

KHAMIS, 9 OGOS, 2018

228 Notis/Tender Kerajaan 228 Notis/Tender Kerajaan 228 Notis/Tender Kerajaan 228 Notis/Tender Kerajaan



## MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

### NOTIS PEMBERITAHUAN

Bagi mengukuhkan lagi peranan Majlis Perbandaran Pasir Gudang melaksanakan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) sejajar menjadikan Pasir Gudang Bandar Sejahtera Tersohor, MPPG telah mengguna pakai Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian (MPPG) 2017 sebagaimana pewartaan pada 2 Februari 2017.

Beberapa komponen di dalam susunan Undang-Undang Kecil ini yang ditambah baik antaranya, UUK 12 Pembaharuan Lesen :

- Lesen boleh diperbaharui tidak melebihi daripada tiga puluh (30) hari sebelum tamat tempoh lesen. Ini bermaksud pemegang lesen perlu memperbaharui lesen premis mereka sebelum tarikh 30 November pada tahun semasa.
- Pembaharuan lesen selepas tempoh 30 November hingga 31 Disember boleh dikenakan penalti yang amaunnya tidak lebih daripada fi lesen.
- Lesen-lesen yang tidak diperbaharui selepas tamat tempoh lesen (31 Disember) pada tahun semasa adalah terbatal dan perlu membuat permohonan semula (baru) sekiranya hendak meneruskan perniagaan.
- Dalam tempoh untuk pembaharuan lesen, sekiranya perlu Majlis boleh meminta untuk menyediakan apa-apa maklumat atau dokumen.
- Pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana syarat suatu lesen apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi daripada Ringgit Malaysia Dua Ribu ATAU penjara selama tempoh tidak melebihi daripada satu tahun ATAU kedua-duanya sekali.

#### PERBANDINGAN UUK (1988) dan UUK BARU (2017)

BIL.	PERKARA	UUK (1988)	UUK (2017)
i.	TEMPOH LESEN	Januari - Disember	Januari - Disember
ii.	TEMPOH MEMPERBAHARUI LESEN	Berakhir 31 Disember	Berakhir 30 November
iii.	TINDAKAN LEWAT MEMPERBAHARUI	Denda ; Max - 10 X ganda nilai lesen MIN - 2 X ganda nilai lesen (UUK bayaran denda (MPPG) 2011)	Denda ; Tidak melebihi harga lesen
iv.	TEMPOH PENGECUALIAN DENDA	Januari - Mac	Tiada





# BERITA HARIAN

## Sanggup kayuh 10km mahu cuba 'litar' maut

9/8/18  
BT

**Johor Bahru:** Seramai 30 remaja, termasuk kanak-kanak sanggup mengayuh basikal sejauh lebih 10 kilometer dari Skudai, Kulai, Masai dan Ulu Tiram untuk mencuba 'litar' Jalan Lingkaran Dalam di sini, sebelum ditahan dalam kejadian pada jam 3 pagi, 28 Julai lalu.

Jalan itu yang pernah meragut lapan penunggang basikal lajak, Februari tahun lalu, dikatakan menjadi lokasi panas aktiviti berkenaan kerana permukaan dan kedudukannya yang menurun bukit, namun membahayakan pengguna kerana ia antara jalan utama dari Kompleks Kastam, Imigresen

dan Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar (BSI) ke pusat bandar raya.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan (JBS), Asisten Komisioner Shahurinain Jais, berkata pasukan trafik menjalankan operasi cegah samseng jalanan dan lumba haram di kawasan berkenaan, sebelum menemui sekumpulan remaja lelaki dan perempuan bermain basikal lajak di kawasan tersebut.

### Berasal dari luar daerah

"Berikutan itu, pasukan berkenaan menahan semua 27 remaja lelaki dan tiga remaja perempuan berusia antara 11

hingga 18 tahun sebelum membawa mereka ke Balai Polis Trafik JBS untuk soal siasat.

"Hasil siasatan, kami dapati semua remaja berkenaan berasal dari luar daerah iaitu Skudai, Kulai, Masai dan Ulu Tiram dan datang ke lokasi dengan mengayuh basikal secara berkumpulan.


"Seramai 28 penunggang basikal masih bersekolah manakala baki dua lagi lepasan sekolah. Mereka mendakwa hanya datang berbasikal secara suka-suka namun kami mengambil tindakan bagi mengelak kejadian tidak diingini," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Menurutnya, pada masa sama, pihaknya memanggil semua ibu bapa kanak-kanak dan remaja berkenaan untuk diberikan nasihat dan dikenakan tindakan.

### Sita 30 basikal, keluar 20 saman

Katanya, selain itu pihaknya menyita 30 basikal lajak dan mengeluarkan 20 saman mengikut Kesalahan di bawah Peraturan 42 (1)(a) Kaedah-kaedah Lalulintas 1959.

"Lokasi itu adalah tempat di mana lapan penunggang basikal lajak maut dilanggar kereta dalam kejadian 18 Februari 2017," katanya.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

13 OGOS 2018

ISNIN



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
UTUSAN MALAYSIA	NAIM HAMID KETEPIKAN 500 KARYA SENI FESTIVAL ANTARABANGSA	2
UTUSAN MALAYSIA	LAHIRKAN PELAJAR SEIMBANG –CAI TUNG	3
BERITA HARIAN	PBT DIARAH AMIBL TINDAKAN TEGAS	4





# UTUSAN MALAYSIA

## Naim Hamid ketepikan 500 karya seni festival antrabangsa

13/8/18  
ufm

**PUTRAJAYA 12 Ogos** - Kementerian Pendidikan mengucapkan tahniah kepada pelajar Sekolah Seni Malaysia (SSEM) Johor, Naim Hamid Hamidin yang menerima pengiktirafan kecemerlangan dalam Festival Seni Sekolah Tinggi Antarabangsa Ke-19 di Tokyo, Jepun.

Kementerian Pendidikan dalam kenyataannya berkata, Naim Hamid yang merupakan pelajar tingkatan empat dalam bidang seni halus itu berjaya memikat juri dengan hasil lukisannya sekali gus mengetepikan lebih 500 hasil karya seni lain pada

festival yang diadakan pada 8 Ogos lalu itu.

"Naim Hamid merupakan salah seorang daripada pelajar SSEM yang terpilih untuk menyertai festival yang melibatkan penyertaan daripada pelbagai negara seperti Brunei, United Kingdom (UK) serta tuan rumah Jepun," kata kementerian itu dalam satu kenyataannya di sini hari ini.


Menurut kementerian itu, selain hasil karya Naim Hamid, empat lagi hasil karya pelajar



**NAIM HAMID**

SSEM Johor turut terpilih untuk dipamerkan pada festival berkenaan.

Sebelum ini, Naim Hamid turut diberi kepercayaan menghasilkan potret lukisan minyak Penjaga Dua Kota Suci, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud yang diserahkan pada Pesta Buku Antarabangsa Riyadh (RIBF) di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Riyadh (RICEC), Riyadh, Arab Saudi pada 2017.





# UTUSAN MALAYSIA



**LIOW CAI TUNG** (tiga dari kanan) bersama-sama guru semasa melawat gerai dan pameran selepas merasmikan Karnival Kokurikulum SMK Taman Johor Jaya 2, Johor Bahru, Johor, baru-baru ini.

13/8/18  
u/m

## Lahirkan pelajar seimbang - Cai Tung

Oleh **ZULHISHAM ISAHAK**  
utusanjohor@utusan.com.my

### ■ PASIR GUDANG 12 OGOS

**S**ISTEM pendidikan pada hari ini perlu sentiasa dinamik, progresif dan bersedia melalui perubahan seiring dengan peredaran zaman.

Lantaran itu, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Pelancongan Wanita negeri, Liew Cai Tung mahu semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan tentang pendidikan seimbang dipraktikkan.

"Terdapat enam ciri dalam pendidikan seimbang iaitu kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etik dan kerohanian serta identiti nasional yang kuat.

"Selain itu ciri-ciri ini bukan sahaja menekankan kepentingan

pengetahuan tetapi juga pembangunan kemahiran pemikiran kritis, kreatif dan inovatif," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Karnival Kokurikulum Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Johor Jaya 2, di sini baru-baru ini.

Sempena karnival tersebut diadakan pelbagai aktiviti antaranya gerai jualan, rumah hantu, permainan, mini zoo, sauk ikan, pertandingan kebudayaan dan pertandingan Jejak Maklumat.

Katanya, ciri-ciri tersebut diberikan penekanan bagi membolehkan semua pelajar memberikan sumbangan bermakna kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Rentetan itu ujarinya, kerajaan tidak mahu rakyatnya masih lagi memiliki minda kelas ketiga ketika kerajaan sudah pun mem-

bangunkan infrastruktur kelas pertama.

Justeru katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Johor Jaya, keterampilan murid-murid dalam pelbagai disiplin ilmu adalah sangat diharapkan kerajaan.

"Sesungguhnya tenaga kerja yang mahir dan kompeten merupakan aset terpenting bagi melestarikan dan menjayakan misi nasional ini.

"Jadi pengasuhan, bimbingan dan dorongan daripada semua aspek kehidupan sejak di peringkat awal lagi adalah amat penting. Pencapaian akademik sahaja tidak memadai," katanya.

Jelas beliau, pembangunan dan perkembangan yang tinggi dalam aspek keperibadian juga amat penting diberikan perhatian pada masa kini.





## BERITA HARIAN



Antara usaha proaktif membanteras judi haram ini dengan menggalakkan pihak berkuasa tempatan (PBT) mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik premis”

**Tan Hong Pin,**  
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi

PREMIS PERNIAGAAN TERBABIT JUDI ATAS TALIAN

# PBT diarah ambil tindakan tegas

13/8/18  
BH

➔ Selaras komitmen kerajaan banteras judi tanpa lesen

Oleh **Mohd Sabran Md Sani**  
sab@nstp.com.my

✦ **Iskandar Puteri**

**P**ihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini diarah mengambil tindakan tegas terhadap pemilik premis perniagaan yang didapati terbabit dengan perjudian atas talian termasuk yang berse-  
lindung di sebalik penjualan nilai tambah telefon bimbit.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi, Tan Hong Pin, berkata arahan itu adalah selaras dengan komitmen kerajaan ne-

geri untuk membanteras kegiatan judi tanpa lesen termasuk dalam talian.

“Antara usaha proaktif membanteras judi haram ini dengan menggalakkan pihak berkuasa tempatan (PBT) mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik premis.

“Ia berdasarkan bidang kuasa dimiliki PBT melalui peruntukan Undang-undang Kecil (UUK) bagi menggerakkan operasi membanteras aktiviti itu,” katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor, semalam.

### Isu serius

Beliau menjawab soalan tambahan Cheo Yee How (PH-Perling) mengenai status mesin kuda yang menjadi isu serius dan tindakan tegas diambil kerajaan bagi membanteras aktiviti ini.

Hong Pin berkata PBT sebagai agensi di peringkat akar umbi mengambil inisiatif berdasarkan kapasiti sendiri membanteras aktiviti judi atas talian.


Majlis Perbandaran Kluang

(MPK) katanya, antara PBT yang secara proaktif menguatkuasakan Undang-undang 49 Kecil Perlesenan Trend Perniagaan dan Industri MPK 2017 melalui ‘Ops Casino Royale’.

“Sebanyak 2,665 kompaun dikeluarkan bernilai RM2.27 juta di kawasan PBT itu. Sejak November 2015 hingga awal bulan ini, 232 operasi dijalankan dan memeriksa sebanyak 240 premis dengan 179 operasi dilaksanakan MPK secara bersendirian, manakala baki 53 operasi dilakukan secara bersepadu bersama Jawatankuasa Keselamatan Daerah,” katanya.

“Operasi MPK menyaksikan penguatkuasaan Undang-undang 49 Kecil Perlesenan Trend Perniagaan dan Industri MPK 2017 terhadap 240 premis dengan nilai sitaan berjumlah RM700,000 bersama pelbagai peralatan.

“Susulan itu 12 kertas siasatan dibuka untuk proses pendakwaan mahkamah ke atas pemilik dan pengusaha premis berkenaan,” katanya.




# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG  
18 OGOS 2018  
SABTU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	BERHENTI SOLAT SELAMATKAN DIRI	2





SINAR HARIAN • SABTU 18 OGOS 2018

17

# SELATAN

 EDISI  
MELAKA.NS  
JOHOR

EDITOR: HAFEZDZULLAH MOHD HASSAN PENOLONG EDITOR: NURBAYA ABDUL REZAK, SITI SHAHROSAMIRAH SHAHARMAN, MEGAT ABDUL HALIM &amp; JULIANA ROSDI

## Berhenti solat selamatkan diri

5 deret rumah hangus, 11 mangsa tinggal sehelai sepinggang

SHAFIQ TINO

PASIR GUDANG

"**S**aya cuma sempat satu rakaat apabila anak bertindak menarik badan saya untuk menyelamatkan diri sebab api sudah marak," kata salah seorang mangsa kebakaran deretan lima buah rumah di Kampung Pasir Puteh di sini, malam semalam.

Menurut Bahar Usman, 53, kejadian kira-kira jam 7.40 malam itu berlaku ketika dia sedang menunaikan solat Maghrib, selain turut berada di rumahnya isteri dan anak berusia 13 tahun.

"Saya masa itu tak berasa apa, tiba-tiba anak jerit, api api sambil menarik badan saya untuk menyelamatkan diri. Bila api menyambar tangan sahaja saya terus berhenti solat.

"Masa itu saya tengok anak masih di sebelah dan terus mencari isteri untuk menyelamatkan diri, baru perasaan orang lain pun semua dah keluar," katanya ketika ditemui di lokasi keja-



Bahar menunjukkan rumah sewanya yang hangus akibat kejadian berkenaan.

dian di sini, semalam.

Baharyang bekerja sebagai buruh di Pengerang, bagaimana pun bersyukur kerana ketika kejadian dia berada di rumah bersama keluarganya.

"Saya balik ke rumah setiap dua minggu. Nak jadi minggu ini saya bercuti, tidak boleh digambarkan bagaimana keadaan kalau saya tiada di sini. Keluarga saya nasib baik selamat semuanya. "Tetapi semestinya terkilan juga, saya hilang semuanya dalam kebakaran ini, selain pakaian barang kemas isteri saya musnah. Walaupun saya menyewa sahaja di sini, tetapi banyak barang dah beli sekarang semuanya dah tiada," katanya.

Sementara itu, salah seorang lagi mangsa, Muhammad

Sarif Kannah, 34, menganggap kejadian yang menimpa keluarganya itu sebagai satu lagi dugaan apabila baru sahaja kehilangan kerja sebagai mekanik bulian lalu.

"Ini ujian ALLAH SWT kepada saya. Baru bulan lepas saya hilang kerja, semalam (kelmarin) rumah pula terbakar.

"Sekarang saya dan isteri tinggal sehelai sepinggang sahaja. "Semasa kejadian, saya tiada di rumah, ada di Kota Masai, tetapi dimaklumkan isteri ada terdengar bunyi elektrik pada pendawaian rumah kami, lepas itu dia dan dua adiknya terus lari keluar rumah kerana jiran dah jerit ada api," katanya.

Terdahulu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Johor melaporkan, berlaku satu keba-

### info

- Tiada kemalangan jiwa
- 4 keluarga tinggal sementara di Dewan Muafakat Kampung Pasir Puteh

karan di deretan beberapa rumah di Kampung Pasir Puteh di sini, malam kelmarin.

Katanya, kebakaran yang memusnahkan keseluruhan rumah jenis separa kekal itu mengakibatkan 11 mangsa dari empat keluarga kini hilang tempat berteduh.

Difahamkan, kesemua mangsa ditempatkan di Dewan Muafakat Kampung Pasir Puteh sehingga mendapat bantuan atau mempunyai tempat tinggal yang lain.

### Mangsa mungkin ditempatkan di Taman Dahlia

PASIR GUDANG - Mangsa kebakaran di Kampung Pasir Puteh di sini, berkemungkinan mendapat kediaman baharu daripada kerajaan negeri selepas rumah mereka musnah.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur dan Pengangkutan negeri, Mazlan Bujang berkata, pihaknya kini mengenal pasti lokasi sesuai untuk penempatan baharu iaitu di kawasan perumahan rakyat Taman Dahlia, Johor Bahru.

Menurutnya, bagaimanapun usaha itu bergantung kepada keputusan lanjut selain melihat kekosongan unit rumah di situ.

"Antara pendekatan sedang difikirkan kini adalah membantu kesemua mangsa ini mendapatkan kediaman untuk kehidupan seperti biasa.

"Kita akan teliti semula sebab perkara itu bergantung kepada kekosongan unit rumah yang ada di sana," katanya ketika melawat tapak kebakaran di sini, semalam.

Adun Puteri Wangsa itu meluahkan masa kira-kira sejam, selain bertanya khabar serta menyalurkan bantuan peribadi kepada mangsa.

Katanya, dari segi bantuan kewangan, perbincangan lanjut akan diadakan bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Majlis Agama Islam Johor.

"Yasasan Pasir Gudang juga menyalurkan suguhati dan sedang fikir bentuk bantuan terbaik kepada mangsa terlibat," katanya.



Mazan (dua, kanan) ketika bertanya khabar kepada salah seorang mangsa kebakaran Kampung Pasir Puteh di sini.




# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG  
20 OGOS 2018  
ISNIN



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	SINDIKET CURI KERETA TUMPAS	2





HUBUNGI KRUJAD JOHOR, MELAKA & NEGERI SEMBILAN: MOHD FIRDAUS YON - 019-7906796, JEFFRI RAZALI - 010-5625516, SARINAH MAT KASIM - 019-6202383

## Sindiket curi kereta tumpas

**Polis Johor selesai 22 kes curi kenderaan termasuk kereta mewah**

SHAFIQ TINO

PASIR GUDANG

**K**eajaian menumpaskan sebuah sindiket curi kenderaan 7 Ogos lalu membantu Polis Johor menyelesaikan sebanyak 22 kes kehilangan kenderaan mewah yang dilaporkan di beberapa daerah di negeri ini.

Timbalan Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Kamarudin Md Din berkata, sindiket dipercayai aktif sejak setahun lalu itu ditumpaskan menerusi tangkapan tiga suspek yang dibebaskan.

Menurutnya, suspek membabitkan tiga lelaki tempatan berusia antara 30 dan 50 tahun ditahan menerusi tiga serbuan berasingan di daerah Johor Bahru Selatan dan Seri Alam.

"Menerusi serbuan itu, polis turut merampas sebanyak 12 kenderaan mewah terdiri daripada lima buah Honda CRV, tiga Honda Civic dan dua buah masing-masing Toyota Vellfire dan Honda Accord yang dilaporkan hilang bukan sahaja di Johor, malah di Selangor dan Kedah.

"Semua kenderaan yang dirampas bernaib pendaftaran tempatan yang dilaporkan hilang. Kami percaya kesemua kenderaan yang dicuri ini adalah untuk pasaran tempatan," katanya.

Katanya pada sidang media selepas majlis Serah Terima Tugas Ketua Polis Daerah Seri Alam yang turut dihadiri Ketua Jabatan Siasatan



MOHD KAMARUDIN

Jenayah negeri, Senior Asisten Komisioner Kamaluddin Kassim di Ibu Pejabat Polis Daerah Seri Alam, di sini, semalam.

Mohd Kamarudin berkata, siasatan awal mendapati sindiket berkenaan mensasarkan kenderaan mewah yang diletakkan di tempat

letak kereta awan dan perumahan dengan menggunakan peralatan khas.

"Modus operandi sindiket menggunakan alat teknologi khas yang dipercayai diperolehi melalui pasaran dalam talian untuk memadamkan alat penggera kenderaan sebelum mencurinya.

"Kita juga dapati sindiket ini mempunyai kepakaran dalam membuat kunci pendua selain mencetak cukai jalan palsu untuk diletakkan pada kenderaan yang dicuri," katanya.

Menurutnya, tiga suspek yang kini ditahan reman itu mempunyai rekod jenayah lampau dan dadah namun negatif dadah menerusi ujian saringan awal urin.

"Kes diasias mengikut Seksyen 379A Kanun Keseksaan kerana curi kenderaan, Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu dan memalsukan dokumen serta


info

**Polis merampas 12 kenderaan membabitkan Honda CRV, Civic, Accord dan Toyota Vellfire yang dilaporkan hilang di Johor, Selangor dan Kedah.**

Seksyen 411 Kanun Keseksaan kerana menyimpan barangan curi.

"Kes kecurian kenderaan termasuk motosikal dan kereta adalah kes tertinggi yang direkodkan di negeri ini dan kita akan terus berusaha bagi mengekang kes kecurian kenderaan ini daripada terus berlaku.

Menurutnya, Polis Johor juga masih meneruskan usaha mengesan rakan suspek yang masih bebas dan mengesan sekiranya terdapat kenderaan lain yang dicuri," katanya.




# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG  
21 OGOS 2018  
SELASA




AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	KPJ ANJUR PROGRAM CEGAH HFMD	2
THE STAR	STATE GOVT AND IRDA STUDYING JB TRAM PROJECT	3
THE STAR	SPOTLIGHT ON LOCAL CULTURES	4





# HARIAN METRO



**PROGRAM Kesedaran Kesihatan anjuran KPJ di Taska Kyrana, Pasir Gudang.**

Kumpulan Perubatan Johor (KPJ) Pasir Gudang menganjurkan program Kesedaran Kesihatan mengenai kepentingan penjagaan diri bagi mengelak penularan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) dalam kalangan kanak-kanak.

Program sehari disertai 60 kanak-kanak Taska Kyrana, semalam selaras

**Pasir Gudang**

## KPJ anjur program cegah HFMD

usaha hospital berkenaan mempromosikan amalan utama kebersihan iaitu cara mencuci tangan dengan betul serta kebersihan diri sebagai langkah pencegahan penyakit itu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd Azhar

Abdullah berkata, inisiatif itu adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat berkenaan, di samping cara memberi pendidikan kesihatan kepada masyarakat setempat.

HM 21/8/18



# THE STAR

## State govt and Irda studying JB tram project

STAR 21/8/2018

**JOHOR BARU:** Johor's capital city will offer tram services within the next three years if the plan materialises.

"Next time, when you want to hop on a tram, come and visit Johor Baru," said Menteri Besar Datuk Osman Sapian.

"The state government is currently exploring the proposal to introduce the tram services with the Iskandar Regional Development

Authority (Irda).

"This project is part of our long-term plan to improve public transportation within Iskandar Malaysia," he said during his visit to the Johor Baru district office.

Osman said Istanbul and San Francisco were two cities in the world where trams had successfully served as a mode of transportation for residents and tourists. Istanbul is a sister city of Johor Baru.

"With the introduction of tram services in Iskandar Malaysia, authorities can reduce the number of public buses entering downtown Johor Baru," he said.

"Buses are taking a lot of space in downtown. Trams, meanwhile, will also be less polluting."

Irda chief executive officer Datuk Ismail Ibrahim said the proposed tram services would cover areas like Medini Iskandar Puteri, Pasir

Gudang and part of Kulai.

Separately, Osman said the Transport Ministry had agreed in principle to utilise the railway track from Port of Tanjung Pelepas in Gelang Patah to Pasir Gudang for commuter service.

He said the track for cargo trains was underutilised, and commuter service would improve connectivity between Gelang Patah and Pasir Gudang.





# THE STAR

STARMETRO, TUESDAY 21 AUGUST 2018

## Spotlight on local cultures

### Festival celebrates Unesco-listed drum performance created in Johor

By **VENESA DEVI**  
metrose@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** The Johor government wants to promote local cultures and festivals to attract more visitors to the state.

Johor Women Development and Tourism Committee chairman Liow Cai Ting said Johor was home to many world-class festive celebrations that did not receive due attention in the past.

"One of the weaknesses of Johor's tourism is the lack of promotion on local festivals and cultural programmes.

"We are working closely with local non-governmental organisations (NGOs), Tourism Johor and other agencies to find more ways to promote the state's cultural diversity," she said.

She added that the trend in tourism now focused more on local cultures and traditions rather than just places of interest.

"Tourists are more interested in knowing the culture of places they are visiting rather than going to theme parks and malls.

"Hence, it is important for us to showcase them and create more awareness of the cultural attractions the state has to offer," she said in a press conference held after a briefing on the International Festival of 24 Festive Drums 2018.

Meanwhile, Johor Baru Chinese Heritage Museum chairman Tan Chai Puan said the 24 Festive Drums was a form of percussion art founded in Johor in 1988.

"The 24 Festive Drums has made its mark internationally and also named an Intangible Cultural Heritage by United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (Unesco).

"The International Festival of 24 Festive Drums is held every alternate year since 2010 to



Tan briefing audience about the festival at Think City's Johor Baru office.

promote the art form, it is also a platform for local drum troupes to compete in a national championship and for international drum troupes to showcase their drumming skills," he said.

He hoped the event this year would attract more people from the non-Chinese communities.

"The event has received overwhelming response in previous years but it was limited to only the Chinese community as not many outside the community know about the event.

"We hope the public of all cultural backgrounds can join us this year and enjoy the perfor-

mances," he added.

The International Festival of 24 Festive Drums will be held on Aug 24 and 25 at Pasir Gudang Indoor Stadium.

Tickets can be booked at Johor Baru Chinese Heritage Museum at 07-224 9633 or Johor Baru Tiong Hua Association at 07-278 8999.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG  
22 OGOS 2018  
RABU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	BERKHEMAH JUAL DADAH	2





# HARIAN METRO

HARIAN METRO

Izlaily Nurul Ain Hussein  
izlaily@nstp.com.my

**Johor Bahru**


Seorang lelaki dipercayai tokan dadah antara 21 individu ditahan Op Bersepadu Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) di kebun getah dekat Masai, Pasir Gudang, di sini.

Lelaki itu sanggup bermalam dalam kebun itu semata-mata menjual dadah sejak beberapa bulan lalu.

Penolong Pengarah AADK Johor, Mohd Faisal Maksom berkata, lelaki berusia 40 tahun itu ditahan bersama 20 individu lain termasuk dua wanita berusia 20 hingga 50 tahun.

"Seawal jam 4 pagi sebelum serbuan dilakukan, anggota dan pegawai kami bersembunyi dan memerhatikan pergerakan penagih dadah memasuki kebun getah yang dijadikan port melepaskan gian.

"Menyedari kehadiran



**FAKTA**  
21 individu ditahan dalam operasi AADK

ANTARA 21 individu yang ditahan dalam serbuan AADK dalam kebun getah dekat Masai, Pasir Gudang

## Berkhemah jual dadah

### ■ Tokan dadah bermalam dalam kebun getah ditahan

kami, mereka lari bertemparan selain bersembunyi dalam semak berdekatan," katanya.

Menurut Mohd Faizal, siasatan awal mendapati lelaki itu tokan yang membekalkan dadah kepada penagih di

sekitar Masai dan kawasan berhampiran.

"Dia mendirikan khemah untuk dijadikan markas operasi mereka," katanya.


Beliau berkata, dalam serbuan itu, pihaknya merampas 27.96 gram (g) heroin

dan 2.99g syabu serta peralatan menghisap dadah.

Katanya, hasil ujian saringan air kencing pula mendapati 15 daripada individu yang ditahan positif heroin dan syabu.

"Semua tangkapan dire-

man dan dibawa ke pejabat AADK negeri untuk tindakan lanjut mengikut Seksyen 39B Kanun Keseksaan, Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 8(3)(a) Akta Penagih Dadah 1983," katanya.




# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG  
27 OGOS 2018  
ISNIN



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	AGIH 200 JALUR GEMILANG	2





# HARIAN METRO

H/m (27/8/18)



**LIOW (tengah)** menyempurnakan gimik perasmian Program Kibarkan Jalur Gemilang Peringkat IPD Seri Alam.

## Pasir Gudang

### Agih 200 Jalur Gemilang

Polis Daerah Seri Alam bersama Persatuan Kepolisian Komuniti Seri Alam menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan ke-61 menerusi pengagihan 200 Jalur Gemilang di sekitar kawasan ini semalam.

Program itu bertujuan memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat, sekali gus menzahirkan penghargaan terhadap pejuang kemerdekaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan Negeri Liow Cai Tung berkata, sambutan

Hari Kebangsaan ke-61 kali ini dilihat bersejarah kerana rakyat menyambutnya bersama kerajaan baru.

Katanya, semangat patriotisme yang diperkukuh dengan slogan Sayangi Malaysiaku bukan saja disambut di peringkat daerah masing-masing, malah ditanam dan dipupuk dalam diri setiap lapisan masyarakat.

“Apa yang penting bukan hanya semangat patriotik, tetapi semangat perpaduan antara kaum yang tidak kira bangsa mahupun agama,” katanya.

